

MANFAATKAN CUTI PERSEKOLAHAN ANAK-ANAK

15 DISEMBER 2023 | 02 JAMADIL AKHIR 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يُضِلِّ اللَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa-Ta'ala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati Allah Subhanahu wa-Ta'ala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Cuti sekolah akan bermula pada hari esok 16 Disember 2023. Kegembiraan jelas terpancar dalam kalangan murid sekolah pada hari akhir persekolahan. Pasti cuti sekolah merupakan masa yang ditunggu-tunggu oleh semua murid. Mereka tidak perlu melalui rutin harian yang padat. Inilah juga masanya untuk mereka mempunyai sedikit kebebasan masa melakukan pelbagai aktiviti. Walau bagaimanapun sesuatu yang bermanfaat perlu dirancang bagi memenuhi cuti

persekolahan ini dengan perkara-perkara yang berfaedah. Firman Allah *Subhanahu wa Taala* dalam surah al-Mukminun ayat 1 hingga 3,

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

قَدْ أَفْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ ﴿١﴾ الَّذِينَ هُمْ فِي صَلَاتِهِمْ خَاشِعُونَ ﴿٢﴾ وَالَّذِينَ هُمْ عَنْ
الْغَوِّ مُعْرِضُونَ ﴿٣﴾

Yang bermaksud: “*Sesungguhnya beruntunglah orang yang beriman (iaitu) orang yang khusyuk dalam solatnya. dan orang yang menjauhkan diri dari (perbuatan dan perkataan) yang sia-sia.*”

Bagi memastikan anak-anak dapat memanfaatkan cuti sekolah sebaik-baiknya, rata-rata ibu bapa terutama yang bekerjaya mendaftar anak mereka mengikuti Program Cuti Sekolah yang sememangnya banyak dianjurkan pada masa ini. Pihak masjid dan lain-lain agensi atau khususnya persatuan belia sewajarnya mengambil peluang menganjurkan program-program bermanfaat sempena cuti sekolah.

Antara program yang sangat digalakkan untuk disertai seperti Kem Pemantapan Ibadah, Kem Tahsin al-Quran, Kem Pembentukan Akhlak Diri Insaniah dan sebagainya. Di samping itu kem-kem berbentuk kemahiran juga digalakkan untuk disertai seperti Kelas Kemahiran Memasak, Kelas Kemahiran Pertukangan, Kelas Teknologi Maklumat, Kelas Pelbagai Bahasa Antarabangsa dan sebagainya.

Program ini dapat mengembang dan meningkatkan aspek sosial, perkembangan fizikal, intelektual, dapat berfikir dan dapat membuat keputusan dalam aktiviti program terbabit. Akhirnya boleh membentuk sahsiah diri pelajar yang kental menghadapi cabaran hidup.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Sepanjang cuti persekolahan ibu bapa hendaklah memastikan anak-anak mereka mengerjakan solat fardhu secara berjemaah di masjid atau surau. Itulah pendidikan yang paling mulia sebagaimana diamalkan oleh Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam.

Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Abu Daud,

مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ، وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ، وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ

Yang bermaksud: “*Suruhlah anak-anak kamu supaya mendirikan solat ketika berusia tujuh tahun dan pukullah mereka kerana meninggalkan solat ketika berumur sepuluh tahun dan asingkanlah tempat tidur di antara mereka (lelaki dan perempuan)*”

Kesan daripada perintah Baginda Sallallahu ‘Alaihi Wasallam ini, akan menjadikan anak-anak lebih bertanggungjawab dan berakhlak mulia.

Pihak masjid juga berperanan menganjurkan program melancong atau lawatan ke tempat-tempat bersejarah atau tempat yang memberi manfaat kepada pembentukan modal insan.

Begitu juga, mengamati keindahan alam semulajadi seperti Taman Negara Pahang atau Taman Negeri Endau-Rompin. Mereka boleh belajar tentang flora dan fauna unik, serta menghargai keindahan ciptaan Allah Subhanahu wa Taala. Aktiviti melancong sambil belajar ini juga boleh diterapkan bersama ibadah solat berjemaah dalam musafir. Program ini juga dapat merapatkan hubungan ukhwah antara mereka.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala,

Manfaatkanlah cuti sekolah dan Ingatlah, “masa itu emas”. Oleh itu gunakanlah masa anak kita sebaik mungkin supaya dapat mengisi cuti sekolah dengan aktiviti yang berfaedah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَبْنَئِ أَقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأَصْبِرْ عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ
إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٧﴾

Yang bermaksud: “Wahai anakku, dirikanlah solat dan suruhlah (manusia) mengerjakan yang baik dan cegahlah (mereka) dari perbuatan yang mungkar dan bersabarlah terhadap apa yang menimpa kamu. Sesungguhnya yang demikian itu termasuk hal-hal yang diwajibkan (oleh Allah).”

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ
لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ
وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.